



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT

SIARAN MEDIA

USRAH MADANI MERANCAK DISKUSI ILMIAH WANITA

PUTRAJAYA, 17 JULAI - YAB Dato' Seri Dr Wan Azizah Dr. Wan Ismail, Penaung PUSPANITA Kebangsaan dan YB Dato' Sri Hajah Nancy Shukri, Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, hari ini hadir ke Program Usrah MADANI yang berlangsung di KPWKM, Putrajaya.

Usrah MADANI hari ini membawa tajuk Peranan Wanita Dalam Bidang Keilmuan Dan Pembangunan Negara telah disampaikan oleh Syeikh Mohammad Akram Nadwi yang merupakan ulama terkenal di United Kingdom. Beliau merupakan penerima Hadiah Allama Iqbal atas sumbangannya dalam keilmuan Islam dan kini menerajui Cambridge Islamic College & Al-Salam Institute.

Program ini merupakan kerjasama antara Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM), PUSPANITA Cawangan KPWKM dan Pejabat Timbalan Menteri (Hal Ehwal Agama), Jabatan Perdana Menteri (JPM).

Majlis hari ini bukan sahaja dapat memperkasakan wacana intelektual dalam kalangan wanita tetapi turut menyumbang kepada usaha membina masyarakat yang lebih progresif selari dengan aspirasi Malaysia MADANI. Ia juga dapat meningkatkan kefahaman masyarakat terhadap isu-isu agama dan kemasyarakatan semasa dari perspektif yang holistik selaras dengan nilai-nilai MADANI yang unggul.

Melalui pendekatan MADANI yang menekankan nilai ihsan, hormat, dan kasih sayang, kerajaan percaya wanita mampu menjadi agen perubahan yang membawa keseimbangan antara pembangunan fizikal dan rohani. Kelimuan wanita bukan hanya untuk diri mereka sendiri tetapi ia adalah pelaburan jangka panjang untuk melahirkan masyarakat yang berilmu, berakhlak mulia dan progresif.

KPWKM sentiasa komited untuk memperkasakan wanita melalui dasar-dasar yang diperkenalkan seperti Dasar Sosial Negara 2030 (DSN 2030) dan Dasar Wanita Negara di samping menyediakan ekosistem yang inklusif dalam menyokong kemajuan wanita dalam setiap bidang.

Turut hadir YBhg Puan Sri Maheran Jamil, YDP PUSPANITA Kebangsaan, YB Datuk Seri Dr. Noraini Ahmad, Timbalan Menteri KPWKM, YB Senator Dr. Zulkifli Hassan, Timbalan Menteri Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama), YBhg Datuk Dr. Maziah Che Yusoff, Ketua Setiausaha KPWKM, Ketua Pengarah JPW merangkap Pengerusi PUSPANITA Cawangan KPWKM, YBrs Puan Hanani Sapit dan Pegawai-pegawai Kanan Jabatan dan Agensi Kementerian.

####

**UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT
17 JULAI 2025**